



The Observer

13.05.2022

❖ SPRM menerobos melangkaui GLC untuk membanteras amalan rasuah

Sejak kebelakangan ini, terdapat petanda jelas yang menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (*Malaysian Anti-Corruption Commission, MACC*) telah meluaskan jangkauannya untuk menyiasat syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) yang terlibat dalam projek bersama-sama syarikat berkaitan kerajaan (*government linked companies, GLC*) terutama apabila terdapat dakwaan atau bukti yang menunjukkan kakitangan (daripada peringkat bawahan sehingga pengurusan kanan dan pengarah syarikat) terlibat dalam aktiviti berkaitan rasuah.

Petanda ini lebih jelas selepas pelaksanaan peruntukan liabiliti korporat yang melibatkan semua organisasi komersial di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.

Baru-baru ini, penyedia infrastruktur tenaga Pestech International Berhad menjadi tumpuan kerana anak syarikatnya iaitu CRSE Sdn Bhd sedang membantu SPRM dalam siasatan agensi berkenaan berkaitan kes rasuah yang melibatkan projek Mass Rapid Transit 2 (MRT2).

Ini adalah susulan pelbagai laporan media mengenai siasatan SPRM terhadap dakwaan rasuah oleh dua firma kejuruteraan yang terlibat dalam projek MRT2.

Pestech menjelaskan bahawa CRSE sedang melaksanakan pakej sistem bekalan dan pengagihan (*power supply and distribution system, PSDS*) untuk projek MRT2. Oleh yang demikian, CRSE sebagai salah satu kontraktor projek MRT2 juga dikehendaki membantu siasatan SPRM.

Mengimbas kembali laporan media, Bernama pada Mac tahun ini melaporkan bahawa tiga pengarah dan dua bekas pengarah sebuah firma kejuruteraan telah ditahan oleh SPRM bagi membantu siasatan kes rasuah yang dikaitkan dengan projek MRT2 bernilai lebih RM650 juta.

Menurut laporan berita itu, empat lelaki, termasuk seorang bergelar "Datuk" dan seorang wanita, kesemuanya berumur antara 43 dan 63 tahun, telah ditahan ketika mereka hadir untuk memberikan keterangan di ibu pejabat SPRM.

Dua bekas pengarah syarikat dipercayai menerima suapan berjumlah RM27 juta daripada firma kejuruteraan lain sebagai sogokan untuk dilantik sebagai perunding bagi projek itu pada 2017.

Kes ini disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM kerana meminta dan menerima rasuah.

Selain penahanan pegawai syarikat yang disifatkan sebagai tindakan langsung, SPRM juga sejak kebelakangan ini mengambil tindakan secara tidak langsung seperti yang berlaku kepada pengeluar pakaian dalam iaitu Caely Holdings Bhd yang mengesahkan pada 20 April bahawa badan pencegah rasuah itu telah mengeluarkan perintah pembekuan ke atas semua akaun bank syarikat dan anak syarikatnya yang masih beroperasi.

Menurut Caely, perintah pembekuan akaun oleh SPRM tidak dimaklumkan kepada syarikat itu secara langsung tetapi mereka hanya menerima notis daripada salah seorang jurubanknya yang memaklumkan bahawa akaun bank syarikat telah dibekukan.

Syarikat awam tersenarai pertama didakwa di bawah Seksyen 17A

Pada 19 Ogos 2021, Deleum Berhad menyatakan bahawa anak syarikat miliknya dengan pegangan tidak langsung 60% iaitu Deleum Primera Sdn Bhd (Primera) telah dikenakan kompaun RM1 juta oleh SPRM berhubung skim haram yang melibatkan subkontraktor and beberapa pengarah Primera.

Menurut pemfailan kepada bursa, kumpulan perkhidmatan minyak dan gas hulu itu menyedari ada sesuatu yang tidak kena dalam pengendalian perniagaan Primera sekitar Januari 2020, yang mendorong mereka untuk melantik PwC Consulting Associates (M) Sdn Bhd untuk menjalankan audit khas dan siasatan forensik bagi anak syarikat tersebut.

Siasatan mereka kemudiannya mendedahkan bahawa kakitangan pengurusan kanan, pengarah dan pemegang saham Primera telah terlibat dalam skim haram dengan subkontraktor tertentu Primera yang mengakibatkan kerugian kepada Primera.

Susulan itu, Primera telah mengambil tindakan saman sivil yang melibatkan tuntutan RM19.88 juta terhadap tujuh individu dan tiga syarikat.

Kes rasuah ini berlaku selepas Pristine Offshore Sdn Bhd menjadi syarikat pertama didakwa mengikut Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang baru diwartakan pada 31 Mac tahun lepas dengan satu pertuduhan rasuah yang membabitkan RM321,350 sebagai ganjaran untuk memastikan syarikat itu diberikan subkontrak daripada Petronas Carigali Sdn Bhd serta satu pertuduhan rasuah mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.

Suapan itu didakwa diberikan kepada pegawai kanan Deleum Primera antara Jun dan Oktober 2020 bagi memastikan Pristine Offshore diberikan subkontrak daripada Petronas Carigali.

Kesimpulan

Seksyen 17A Akta SPRM adalah peruntukan liabiliti korporat yang berpengaruh dengan implikasi terhadap liabiliti peribadi. Pengarah, pengurusan dan pihak bersekutu perlu sedar sepenuhnya tentang implikasi ini dan perkara yang perlu dilakukan oleh mereka untuk mengelak atau mengurangkan liabiliti ini.

Kejadian mutakhir yang melibatkan syarikat awam tersenarai menunjukkan betapa perlunya lembaga pengarah PLC, terutamanya jawatankuasa audit, memainkan peranan yang lebih proaktif dan berwaspada dalam memastikan semua pembiayaan untuk sesuatu projek telah diambil kira manakala setiap ketirisan dipalamkan dengan segera. Selain itu, jawatankuasa audit juga bertanggung jawab memastikan sama ada dasar dan kawalan yang sesuai sudah tersedia untuk mengesan dan mengurangkan risiko yang berkaitan suapan dan rasuah.

Pada dasarnya, PLC tiada pilihan yang lebih baik selain menjalankan perniagaan mereka dengan penuh integriti tanpa perlu melakukan rasuah.

Ini adalah kerana peruntukan di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 adalah suatu peruntukan yang menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersial adalah melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan/atau pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk faedah organisasi tersebut.

Pada masa yang sama, selain organisasi, pengarah dan pengurusan juga boleh disifatkan bersalah (sehingga mereka boleh membuktikan mereka tidak bersalah) dalam keadaan sama ada atau tidak mereka atau pihak pengurusan atasan mereka membenarkan atau mengetahui perbuatan rasuah yang dilakukan oleh kakitangan atau pihak bersekutunya.

Jika sesebuah organisasi komersial disabit kesalahan di bawah Seksyen 17A, hukumannya adalah denda tidak kurang 10 kali ganda daripada nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau penjara sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 16 hingga 20 Mei 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
18.05.22 (Rabu) 10.00 pagi	Apex Healthcare Berhad (AGM)	Syarikat berada dalam bidang perniagaan yang defensif dan kalis kemelesetan dan telah

		menunjukkan prestasi yang konsisten pada tahun-tahun sebelum ini. Ia juga menceburi bidang kontrak pembuatan yang menawarkan banyak potensi pertumbuhan. Melangkah ke hadapan, Syarikat dijangka menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan penekanan baharu dalam kalangan pengguna produk penjagaan kesihatan selepas pandemik.
18.05.22 (Rabu) 02.30 petang	Zhulian Corporation Berhad (AGM)	Zhulian merekodkan prestasi yang konsisten namun masih menghadapi persaingan daripada pemain e-dagang lain yang menawarkan produk serupa. Syarikat ini sudah lama berakar umbi di Malaysia, Thailand, Kemboja dan Myanmar. Walau bagaimanapun ia perlu meneruskan keupayaannya untuk berkembang ke dalam pasaran baharu dan meluaskan rangkaian pengedarannya supaya menjadi pemangkin untuk meningkatkan aliran pendapatannya.
19.05.22 (Khamis) 09.30 pagi	Kossan Rubber Industries Berhad (AGM)	Cabaran yang perlu dihadapi oleh Kossan pada tahun kewangan 2022 ialah cara untuk menghadapi kejatuhan harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) dan meningkatkan kapasiti dalam pasaran sarung tangan getah. Syarikat merekodkan prestasi cemerlang dalam tahun kewangan 2021 yang mana ia mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih paling tinggi setakat ini. Namun syarikat bakal berdepan cabaran getir pada masa hadapan.
19.05.22 (Khamis) 10.00 pagi	Gas Malaysia Berhad (AGM)	Pendapatan bagi tahun kewangan 2021 adalah lebih rendah iaitu RM5.85 bilion berbanding RM6.69 bilion pada tahun kewangan 2020. Ia berikutan purata tarif gas asli yang lebih rendah, yang terjejas disebabkan volum jualan gas asli yang lebih

		tinggi serta pengiktirafan yang lebih tinggi terhadap pelarasan had pendapatan pada 2021. Ia bertujuan menangani pemulihan pendapatan yang timbul daripada perbezaan antara tempahan kapasiti firma sebenar dan anggaran yang digunakan untuk menentukan kadar tarif bagi penggunaan Sistem Pengagihan Gas Asli.
19.05.22 (Khamis) 10.00 pagi	Vitrox Corporation Berhad (AGM)	Vitrox memecahkan rekod sekali lagi dengan lonjakan 44.6% dalam pendapatan kepada RM680.1 juta dan peningkatan 60.4% dalam keuntungan bersih kepada RM169.4 juta. Walaupun 2021 merupakan tahun yang mencabar, bagi sesetengah syarikat ia juga merupakan tahun pertumbuhan dan kemajuan. Trend mega yang semakin meningkat seperti teknologi 5G, Internet Benda, kenderaan elektrik, kecerdasan buatan (<i>artificial intelligence, AI</i>) dan aplikasi pengkomputeran berprestasi tinggi dijangka akan memacu permintaan terhadap semikonduktor. Vitrox terus mengalami pertumbuhan permintaan yang teguh dalam semua unit perniagaannya.
19.05.22 (Khamis) 10.00 pagi	Dayang Enterprise Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan menyusut daripada RM731.4 juta pada 2020 kepada RM667.7 juta. Keuntungan keseluruhan terjejas dengan ketara disebabkan oleh anak syarikat Kumpulan yang terlibat dalam penyewaan kapal iaitu Perdana Petroleum Berhad (PPB) yang mencatatkan penggunaan lebih rendah sebanyak 44% pada 2021 berbanding 53% pada 2020. Selain itu, PPB juga mencatatkan caj susut nilai sekali sahaja berjumlah RM41.3 juta dan caj rosot nilai berjumlah RM349.8 juta ke atas hartanah, loji dan peralatan serta muhibah, terutamanya

		disebabkan oleh perubahan dalam dasar perakaunan.
19.05.22 (Khamis) 10.00 pagi	AEON Co (M) Bhd (AGM)	Walaupun pendapatan lebih rendah iaitu RM3.6 bilion berbanding RM4.1 bilion pada tahun kewangan 2020, yang disebabkan oleh kesan penutupan di seluruh negara, keuntungan bersih Kumpulan meningkat lebih sekali ganda kepada RM85.3 juta daripada RM41.4 juta. Prestasi ini didorong oleh margin yang lebih baik, strategi pembelian yang lebih baik, rundingan yang dipertingkatkan serta pengurusan kos yang berdisiplin.
20.05.22 (Jumaat) 09.30 pagi	Magnum Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Magnum menyusut 24.7% kepada RM1.26 bilion pada tahun kewangan 2021 manakala kerugian bersihnya berjumlah RM1.35 juta. Industri perjudian menghadapi tempoh sekatan operasi yang berpanjangan. Namun demikian, operator nombor ramalan haram terus berleluasa kerana penutupan dan sekatan pergerakan tidak menjejaskan operasi mereka.</p> <p>Magnum dan pemain industri lain bekerjasama dengan pengawal selia untuk membenarkan jualan mudah alih yang sah oleh pengendali yang sah. Diharapkan isu-isu penting yang melibatkan persaingan akan diselesaikan secepat mungkin.</p>
20.05.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Ancom Nylex Berhad (dahulunya dikenali sebagai Ancom Berhad) (EGM)	Ancom Nylex berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pecahan saham yang melibatkan pembahagian setiap satu saham biasa sedia ada dalam Ancom Nylex Berhad (Saham ANB) kepada 3 saham ANB.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Apex Healthcare Berhad (AGM)	Inventori yang diturunkan nilai melonjak daripada RM1.14 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM2.33

	<p>juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 79, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan nilai inventori? (contohnya stok usang, stok bergerak perlahan?)</p> <p>b) Berapakah jumlah yang telah dipulihkan selepas tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>c) Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan pertambahan penurunan nilai dalam tahun kewangan 2022, memandangkan keadaan ekonomi yang perlahan?</p>
Zhulian Corporation Berhad (AGM)	<p>Syarikat memulakan perniagaannya pada tahun 1989, yang dibina menggunakan model Pemasaran Berbilang Aras (<i>Multi Level Marketing, MLM</i>). Pada penghujung tahun kewangan berakhir 2021, Syarikat mempunyai 269,810 pengedar di rantau ini. Sesi latihan fizikal untuk pengedar Zhulian terjejas akibat pandemik dan Syarikat terpaksa beralih kepada latihan dalam talian. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk menjalankan latihan ini pada tahun kewangan berakhir 2021? (misalnya kos jurulatih dan perbelanjaan lain)</p> <p>b) Sejauh manakah keberkesanan latihan ini dan bagaimanakah Syarikat menentukan hasil daripada latihan ini?</p>
Kossan Rubber Industries Berhad (AGM)	<p>Syarikat mencatatkan pendapatan dan keuntungan bersih paling tinggi dalam tahun kewangan 2021, masing-masing berjumlah RM6.63 bilion dan RM2.85 bilion. Ia disumbangkan oleh permintaan yang kukuh untuk sarung tangan sewaktu pandemik. Industri sarung tangan getah bakal berdepan halangan yang mencabar iaitu kejatuhan harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) dan kapasiti yang meningkat.</p> <p>a) Apakah strategi Syarikat untuk menghadapi kejatuhan harga jualan purata dan peningkatan kapasiti?</p> <p>b) Apakah prospek pasaran sarung tangan jika wabak Covid-19 beransur reda?</p>
Gas Malaysia Berhad (AGM)	<p>Walaupun bilangan pelanggan industri meningkat daripada 965 kepada 998, bilangan pelanggan komersial dan pelanggan kediaman masing-masing menyusut daripada 2,159 dan 25,508 kepada 1,825 dan 22,873 (Halaman 3, Laporan Tahunan tahun kewangan 2021 dan Halaman 3, Laporan Tahunan tahun kewangan</p>

	2020). Apakah punca penurunan bilangan pelanggan komersial dan pelanggan kediaman?
Vitrox Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan optimis dan yakin bahawa 2022 akan menjadi satu lagi tahun pertumbuhan untuk ViTrox. Walau bagaimanapun, ia bakal berdepan beberapa cabaran seperti kekurangan bahan dan isu rantai bekalan yang akan meningkat pada separuh pertama 2022 serta kekurangan tenaga kerja yang berterusan. (Halaman 36, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah kesan peperangan Rusia-Ukraine yang berterusan terhadap Kumpulan? Sejauh manakah kesannya terhadap penghantaran produk Kumpulan ke pasaran antarabangsa, terutama dari segi kos dan masa?</p>
Dayang Enterprise Holdings Berhad (AGM)	<p>Peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan meningkat kepada RM12.1 juta pada tahun kewangan 2021 daripada RM0.28 juta pada tahun kewangan 2020, dengan peningkatan sebanyak RM11.8 juta atau 4221%. (Halaman 127, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Sila berikan nama dan jumlah tertunggak bagi tiga penghutang yang mengalami kerugian rosot nilai paling tinggi pada tahun kewangan 2021.</p> <p>c) Berapakah amaun daripada kerugian rosot nilai yang berjumlah RM12.1 juta ini telah berjaya dikutip setakat Mac 2022?</p>
AEON Co (M) Bhd (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2021, syarikat memperoleh aset tidak ketara dengan kos agregat RM60,103,000 (2020: RM735,000), yang mana RM26,120,000 (2020: Tiada) adalah di bawah pelan pembayaran tertunda tanpa faedah dan dimasukkan ke dalam jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan. Apakah aset tidak ketara lain yang diperolehi oleh AEON pada tahun tersebut?</p>
Magnum Berhad (AGM)	<p>Sebanyak 52 cabutan telah dibatalkan di seluruh negara dan 18 lagi terjejas, iaitu hanya cawangan di Sarawak dibenarkan beroperasi. Paling menyedihkan, sebahagian daripada pembatalan ini berlaku sewaktu tempoh tradisi jualan puncak iaitu Tahun Baharu Cina. (Halaman 8, Laporan Tahunan Bersepadu 2021)</p> <p>Berapakah jumlah cabutan yang sepatutnya dibuat pada tahun kewangan 2021? Berapakah jumlah cabutan yang dirancang untuk tahun kewangan 2022? Berapakah jumlah cabutan yang dirancang dan jumlah cabutan sebenar dari Januari 2022 hingga kini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.